

KENYATAAN AKHBAR

SISTEM PENGURUSAN LANDSKAP PERLU DAPAT PERHATIAN SERIUS UNTUK TANGANI KEJADIAN POKOK TUMBANG

Baru-baru ini kita sekali lagi dikejutkan dengan kejadian pokok tumbang. Kejadian itu berlaku di Jalan Travers mengahala ke pusat bandar di hadapan Muzium Negara, sebuah laluan sibuk pada masa puncak sebelum pandemik melanda di seluruh dunia. Ketika kejadian, tiga individu yang melalui kawasan tersebut dilaporkan selamat walaupun kereta salah seorang mangsa remuk teruk.

Adakah kita perlu menunggu sehingga ada nyawa yang terkorban barulah isu pokok tumbang ini diberikan perhatian serius oleh semua pihak? Tidak seperti hidupan bernyawa lain, pokok tidak boleh 'menjerit' untuk memberitahu tentang keadaannya. Jadi, pokok atau tumbuhan secara amnya akan memberikan tanda-tanda untuk menyatakan bahawa keadaan 'kesihatannya' sudah merosot.

Profesor di Jabatan Senibina Landskap Fakulti Rekabentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Osman Mohd Tahir menegaskan, sudah tiba masanya isu pemeliharaan pokok diberikan perhatian mendalam kerana ia berkaitan dengan keselamatan orang awam dan berpotensi menyebabkan kemalangan nyawa.

"Pokok-pokok yang tumbang ini bukan tumbang secara mengejut, tapi ia adalah kesan daripada gangguan terhadap persekitarannya yang berlaku selama bertahun-tahun.

"Pampasan berbentuk wang ringgit memang boleh diberikan kepada mangsa, tetapi nyawa tidak boleh diganti atau dijual beli. Maka, negara kita harus ada sistem pengurusan landskap yang menyeluruh bagi memastikan kejadian seperti ini tidak berulang lagi pada masa akan datang," katanya.

Seperti juga manusia, pokok harus dijaga dengan baik di peringkat nurseri lagi. Sejarah penjagaan pokok tersebut haruslah dititikberatkan dan pemilihan lokasi tanaman juga penting dalam menentukan sama ada pokok itu sesuai untuk ditanam di sesuatu kawasan. Selain itu, cara tanaman juga akan menentukan sama ada tumbesaran pokok tersebut selamat untuk kawasan di sekitarnya.

Seterusnya, zon pembesaran pokok hendaklah diambil kira sekiranya terdapat sebarang pembangunan hendak dilakukan di kawasan berkenaan. Semua proses pencegahan ini tidak akan berjaya tanpa sistem pemantauan berterusan dilakukan untuk memeriksa keadaan dan status risiko bahaya (hazard) pokok itu dari semasa ke semasa.

Beliau yang juga merupakan mantan Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) berkata, analisis menyeluruh terhadap punca pokok tumbang perlulah dilakukan bagi menentukan apakah penyebab sebenarnya kejadian seumpama itu berlaku?

“Pihak berkuasa tempatan harus mengumpul data aset hidup (landskap) untuk memantau tumbesaran, kesihatan, kesuburan dan risiko bahaya tumbuhan. Jika tidak, apabila berlaku kejadian pokok tumbang, kita hanya akan menyimpulkan bahawa sudah tiba masanya pokok itu mati.

“Apabila kita sudah ada sistem yang terbaik, tetapi pokok tumbang masih berlaku, kita boleh kemukakan bukti bahawa amalan pengurusan landskap terbaik telah dilakukan untuk mengurus dan menjaga pokok tersebut. Tanpa data, semua ini (pokok mati) hanyalah andaian. Sedangkan analisis punca insiden haruslah berdasarkan fakta dan angka,” jelas beliau.

Tambahnya, mempunyai sistem pengurusan landskap sahaja tidak mencukupi. Malaysia harus membangunkan piawaian nurseri terakreditasinya sendiri dan melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tempatan. Ini kerana, sifat dan keperluan sesuatu tumbuhan adalah berbeza mengikut lokalitinya. Ia tidak sama dengan apa yang digariskan dalam piawaian antarabangsa.

Sebagai arkitek landskap pula, pengamal profesion ini harus mempersiapkan diri dengan segala pengetahuan dan kepakaran teknikal untuk memberikan penyelesaian terbaik terhadap isu berkaitan landskap. Segalanya haruslah bermula dengan betul di peringkat perancangan, pembinaan, pelaksanaan dan pasca-pembinaan.

PROF. MADYA LAr. Dr. SUHARDI BIN MAULAN

Presiden

Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)

1 Jun 2021